

22.6.2021_Berita Harian_YB Khairy Jamaluddin_Kaedah vaksin buat 12 tahun ke atas diputus minggu ini

Kaedah vaksin buat 12 tahun ke atas diputus minggu ini

Dari Muka 1

Mereka yang ingkar boleh dikenakan tindakan kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) dengan membawa anak mereka ke tempat berisiko, termasuk kawasan sesak.

Mengikut rekod KEM bagi tempoh 25 Januari hingga 30 Mei lalu, sebanyak 82,341 kes COVID-19 dikesan dalam kalangan individu berusia bawah 18 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ketika menyuarakan kebimbangan berhubung penularan jangkitan terhadap golongan sedemikian, berkata daripada jumlah itu, 19,851 kes membabitkan bayi berusia bawah empat tahun.

Sebanyak 8,237 kes pula merangkumi kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun, tujuh hingga 12 tahun (26,851) dan 13 hingga 17 tahun (27,402) yang meliputi pesakit kategori satu, dua serta tiga.

Pada 5 Jun lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun berharap kajian penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun, disegerakan bagi melindungi golongan itu.

Katanya, ini berikutan kes positif COVID-19 membabitkan kanak-kanak di negara ini amat membimbangkan, selain ada dalam kalangan mereka dilaporkan maut akibat jangkitan itu.

Katanya, ketika ini ada negara yang sudah memberikan vaksin kepada golongan berusia 12 tahun ke atas seperti di Singapura dan Amerika Syarikat.

Sementara itu dalam perkembangan berkaitan, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata kaedah penggunaan vaksin Pfizer untuk golongan remaja berusia 12 tahun ke atas akan diputuskan minggu ini.

Keputusan akan dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Akses Jaminan Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan beliau dan Dr Adham.

"JKJAV akan memutuskan kaedah penggunaan vaksin Pfizer untuk golongan remaja berdasarkan nasihat dan syor yang akan dibuat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pakar.

"Segala maklumat lanjut akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya pada sidang media PICK di Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Pakar Perubatan Pediatrik dan Neonatologi, Hospital Universiti Teknologi MARA (UTM) Puncak Alam, Dr Masri Mohamed, berkata pemberian vaksin kepada kanak-kanak amat penting bagi melindungi golongan berkenaan.

Katanya, banyak negara yang sudah melaksanakan pemberian vaksin kepada kanak-kanak dan ia sebenarnya boleh dijadikan



Orang ramai mengambil suntikan vaksin pada hari pertama operasi PPV IPT Mega di UTM Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

rujukan kepada Malaysia.

"Sebelum ini, ketika penularan awal COVID-19, gejala yang dialami kanak-kanak lebih ringan berbanding golongan dewasa. Namun, keadaan berubah dengan adanya varian baharu ini.

"Sebab itu, pemberian vaksin kepada kanak-kanak mampu memenuhi perancangan negara untuk mencapai imuniti kelompok," katanya.

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, pula berkata kerajaan seharusnya memberi tumpuan melaksanakan vaksinasi kepada golongan dewasa yang berisiko.

"Saya kurang bersetuju kerana golongan kanak-kanak tidak mengalami gejala seperti dialami orang dewasa terutama mereka yang mempunyai penyakit serius," katanya.

Terkini COVID-19	5,439	Pulih, dibenar keluar hospital, semalam	4,611	Kes baharu disahkan, semalam	4,477	Jumlah kematian dicatat	701,019	Jumlah kes disahkan positif	62,918	Kes yang masih dirawat
-------------------------	--------------	--	--------------	-------------------------------------	--------------	--------------------------------	----------------	------------------------------------	---------------	-------------------------------